

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG**  
**[SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Datuk Liang Teck Meng** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah kelulusan yang telah diberi kepada pengusaha persendirian dan korporat bagi urusan Skim Panel PV sehingga kini. Nyatakan jumlah Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) yang telah dibayar kepada pengusaha bagi skim tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sejak pelaksanaan *Feed-in Tariff* (FiT) pada tahun 2011 sehingga 31 Ogos 2016, sejumlah 9,618 projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) berkapasiti 1,313MW telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6,328 projek berkapasiti 383.39MW telah disiapkan dan disambung ke grid manakala 3,290 projek lagi dengan kapasiti 929.61MW sedang dalam pelaksanaan. Projek-projek yang diluluskan adalah terdiri daripada projek-projek solar PV, biojisim, biogas dan mini hidro. Sejumlah 8,513 projek yang diluluskan adalah merupakan projek solar PV berkapasiti 78.61MW di bawah kategori individu manakala 925 projek berkapasiti 315.86MW diluluskan bagi kategori bukan individu.

2. Sehingga Ogos 2016, jumlah keseluruhan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) yang telah dibayar kepada pemaju FiT adalah RM569,202,557.93 bagi projek-projek solar PV, biojisim, biogas, mini hidro. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 80.16% atau RM456,248,374.50 telah dibayar kepada pengusaha solar PV.

\*\*\*\*\*